



**JABATAN PERDAGANGAN
DPB50163 BUSINESS PROJECT**

**LAPORAN AKHIR PROJEK PELAJAR
PENGAJIAN PERNIAGAAN**

SESI 1 : 2022/2023

PEMBANGUNAN LAMAN WEB EZ HOME BUDGET

NAMA	NO MATRIK
SITINAJIHAH BINTI ISHAK	10DPM20F2011
NURFATIHAH BINTI HUSNA BINTI AZHAR	10DPM20F2017
NUR SHAFIKA BINTI ABDUL RAZAK	10DPM20F2059
LIM KAH SHEN	10DPM20F2068

NAMA PENSYARAH: DR ROHANI BINTI M.M. YUSOFF

NAMA PENYELIA: PUAN ISRATUN BINTI IDRIS

KELAS: DPM4B

**Laporan Ini Dikemukakan Kepada Jabatan Perdagangan Bagi Memenuhi Sebahagian
Syarat Penganugerahan Diploma Pengajian Perniagaan**

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR

Laporan Akhir Projek Pelajar bagi kursus DPB50163 Business Project, Sesi 1: 2022/2023 ini dikemukakan kepada Jabatan Perdagangan sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat program Diploma Pengajian Perniagaan di Politeknik Seberang Perai. Dengan ini, semua ahli kumpulan projek ini bersetuju untuk membenarkan pihak Jabatan Perdagangan mempamerkan laporan akhir projek pelajar ini sebagai sumber rujukan pada masa hadapan.

Sebagai bentuk Salinan dan cetakan bagi tujuan komersil adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada ahli kumpulan asal, penyelia ataupun penyelaras. Kebenaran daripada Politeknik Seberang Perai, Pulau Pinang diperlukan sekiranya projek ini dirujuk sama ada secara sebahagian atau sepenuhnya. Kebenaran hendaklah dipohon melalui:

Ketua Jabatan
Jabatan Perdagangan
Politeknik Seberang Perai,
Jalan Permatang Pauh,
13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang

PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR

Laporan projek ini yang bertajuk “EZ Home Budget” telah dikemukakan, disemak serta disahkan sebagai memenuhi syarat dan keperluan penulisan seperti yang telah ditetapkan.

Disemak oleh:

Nama Penyelia: PUAN ISRATUN BINTI IDRIS

Tandatangan Penyelia:

Tarikh:

Disahkan oleh:

Nama Penyelaras: DR ROHANI BINTI M.M. YUSOFF

Tandatangan Penyelaras:

Tarikh:

AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK

KAJIAN PEMBANGUNAN LAMAN WEB EZ HOME BUDGET

1. Kami, nama di bawah:

- 1) LIM KAH SHEN (IC: 020620-07-0391)
- 2) SITI NAJIHAH BINTI ISHAK (IC: 021129-07-0038)
- 3) NUR SHAFIKA BINTI ABDUL RAZAK (IC: 021107-07-0512)
- 4) NURFATIHAH BINTI HUSNA BINTI AZHAR (IC: 021103-02-0200)

Adalah pelajar Diploma Pengajian Perniagaan, Politeknik Seberang Perai yang beralamat di Jalan Permatang Pauh, 13500 Permatang Pauh, Pulau Pinang.

2. Saya mengakui bahawa laman web Ez Home Budget dan harta intelek di dalamnya adalah hasil reka cipta saya tanpa mengambil atau meniru mana-mana harta intelek daripada pihak lain.

3. Saya bersetuju melepaskan pemilikan harta intelek laman web Ez Home Budget bagi memenuhi keperluan untuk penganugerahan Diploma Pengajian Perniagaan kepada saya.

Diperbuat dan dengan sebenar-sebenarnya diakui oleh yang tersebut,

Jihah

.....

(SITI NAJIHAH BINTI ISHAK)

(IC: 021129-07-0038)

Husna

.....

(NURFATIHAH BINTI AZHAR)

(IC: 021103-02-0200)

Shafika

.....

(NUR SHAFIKA BINTI ABDUL RAZAK)

(IC: 021107-07-0512)

Kah Shen

.....

(LIM KAH SHEN)

(IC: 020620-07-0391)

Di hadapan kami,

.....

(PUAN ISRATUN BINTI IDRIS)

(IC: 770312-02-5372)

Sebagai Penyelia Projek

PENGHARGAAN

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan berkat-Nya dapatlah kami menyiapkan laporan akhir kajian dan diberikan peluang untuk membina laman web Ez Home Budget ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Selain itu, kami juga bersyukur kerana segala masalah dan pelbagai kekangan yang timbul sepanjang kajian ini dijalankan telah berjaya diatasi. Semua permasalahan ini menjadikan kami insan yang mengenal erti kesabaran dan manisnya sebuah kejayaan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan sejuta penghargaan ditujukan kepada DR ROHANI BINTI M.M. YUSOFF selaku pensyarah kursus Business Project ini kerana telah banyak memberi tunjuk ajar serta penerangan yang sempurna kepada kami dari awal lagi sejak tugas ini diedarkan sehinggalah dalam proses menyiapkan tugas ini. Selain itu, kami mengucapkan terima kasih kepada DR ROHANI BINTI M.M YUSOFF kerana telah memberikan sepenuhnya kepercayaan kepada kami dalam menyiapkan tugas laporan akhir ini dengan jayanya. Seterusnya, ribuan terima kasih kepada PUAN ISRATUN BINTI IDRIS selaku penyelia projek akhir kami ini kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dan juga membimbing kami sepanjang melaksanakan kajian ini. Beliau juga telah banyak memberi dorongan dan kata-kata semangat kepada kami untuk menyiapkan kajian ini.

Di samping itu, tidak lupa juga kepada kedua ibu bapa kami yang banyak memberi sokongan serta dorongan dan juga telah mengeluarkan wang ringgit dalam menghasilkan laporan akhir kajian ini. Tanpa sokongan dan dorongan kalian mungkin tidak dapat kami menghasilkan tugas ini dengan sempurna seperti rakan-rakan yang lain. Malah, jutaan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama bertungkus-lumus menghasilkan tugas ini dan juga bertukar-tukar idea dalam membantu bagi menyiapkan laporan akhir kajian ini.

Akhir sekali, penghargaan ini dihulurkan bagi menghargai sumbangan dan bantuan pihak yang terlibat serta menganjungi sumbangan dan bantuan mereka secara langsung mahupun secara tidak langsung dalam menjayakan laporan akhir kajian bagi kursus DPB50163 Business Project dengan baik. Harapan kami agar segala tugas yang kami hasilkan dapat memberikan peluang dan manfaat kepada setiap keluarga diluar sana untuk membuat perancangan kewangan terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu pembelian bagi mengurangkan pembaziran.

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk menilai keberkesanan laman web Ez Home Budget bagi membantu setiap isi rumah yang mempunyai keluarga ataupun individu itu sendiri dengan menggunakan laman web tersebut. Tujuan laman web ini dibangunkan adalah bertujuan untuk membantu individu atau keluarga itu dalam merancang perbelanjaan seharian. Kajian ini juga tertumpu kepada para individu, pelajar dan keluarga yang berkeperluan merancang kewangan terlebih dahulu sebelum membuat sesuatu pembelian. Seterusnya, pengkaji juga telah mendapatkan maklum balas daripada responden tentang analisis keperluan tentang laman web yang akan dibangunkan. Dengan itu, seramai 30 orang yang telah menjadi responden analisis keperluan pengkaji. Setiap responden ini telah isi borang soal selidik melalui *google form* bagi memperolehi maklumat kajian yang dikehendaki. Segala maklumat akan di proses menggunakan perisian *Microsoft Word* dan *Microsoft Excel*. Oleh itu, dapatan kajian telah mendapati bahawa analisis keperluan kajian ini dapat memperolehi keputusan yang bagus dan sempurna bagi membangunkan laman web berkenaan. Pengkaji berharap dengan dapatan kajian ini boleh membantu sedikit sebanyak tentang permasalahan yang telah berlaku dalam sesebuah keluarga tersebut. Kesimpulannya, pengkaji berharap agar laman web yang dibina ini akan memberi impak positif kepada individu atau keluarga itu dalam merancang perbelanjaan harian mereka tanpa ada pembaziran yang akan berlaku kelak.

SENARAI KANDUNGAN

BAB PERKARA

MUKA SURAT

PENGESAHAN STATUS LAPORAN AKHIR	ii
PENGESAHAN LAPORAN PROJEK AKHIR	iii
AKUAN KEASLIAN DAN HAK MILIK	iv - v
PENGHARGAAN	vi
ABSTRAK	vii
1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	5
1.2 Latar Belakang Projek	6
1.3 Pernyataan Masalah	7
1.4 Analisis Keperluan	8 - 13
1.5 Objektif Projek	13
1.6 Persoalan Projek	13
1.7 Justifikasi Projek	14
1.8 Skop Projek	14
1.9 Kepentingan Projek	15
1.10 Takrifan Istilah	15
1.11 Rumusan	16
2 KAJIAN LAPANGAN	
2.1 Pendahuluan	17
2.2 Kajian Terdahulu/Ulasan/Siasatan	17
2.2.1 Keperluan mencatat senarai barangan keperluan	17
2.2.2 Perancangan bajet keluarga	17
2.2.3 Keberkesanan dalam pengurusan kewangan	18
2.3 Kaedah Laman Web Ez Home Budget	18
2.4 Rumusan	19
3 METADOLOGI/REKA BENTUK	

3.1	Pendahuluan	20
3.2	Reka Bentuk Projek	20
3.2.1	Pembangunan produk ini dilaksanakan dengan menggunakan model “ADDIE”	20 – 24
3.2.2	Kaedah/Prosedur/Teknik penghasilan projek	24 - 30
3.2.3	Bahan dan Peralatan	30
3.2.4	Kajian Rintis	30
3.2.5	Maklum balas kajian rintis	31
3.2.6	Penambahbaikan produk	31
3.3	Kaedah Analisis Data	31
3.3.1	Borang Soal Selidik	32
3.3.2	SWOT Analisis	32
3.3.3	4P Analisis	32
3.4	Impak Produk	32 - 33
3.5	Rumusan	33
4	ANALISIS DAPATAN PROJEK INOVASI DAN PERBINCANGAN	
4.1	Pendahuluan	34
		34 - 38
4.2	Dapatan Kajian / Pengujian	
4.3	Perbincangan (Kelebihan, Kekurangan Dan Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)	38 - 39
4.4	Rumusan	40
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	41

5.2 Kesimpulan Keseluruhan Projek Inovasi	41
5.3 Cadangan	42
5.4 Limitasi Projek	42
5.5 Rumusan	42 -43
Rujukan	44 - 45

BAB 1: PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan mengenai masalah yang dikaji, objektif kajian, persoalan kajian, skop kajian dan kepentingan kajian.

Pembelian barang keperluan setiap minggu mahupun secara bulanan telah menjadi satu rutin harian bagi setiap insan pada masa kini. Dengan itu memandangkan barang keperluan ini sangat penting bagi sesebuah keluarga itu juga perlu membuat perancangan terlebih dahulu dalam membuat sesuatu pembelian dalam kehidupan ini. Seterusnya, pembelian barang keperluan ini dilihat lebih kerap dibeli pada waktu hujung minggu kerana ibu bapa atau individu mempunyai masa lapang pada waktu berkenaan sahaja. Pada hari biasa, individu mahupun ibu bapa akan bekerja dan mungkin tidak berkesempatan. Kesempatan pada waktu hujung minggu inilah diambil untuk membeli barangan keperluan. Laman web ini juga mampu merekodkan barangan yang dibeli, menyimpan resit-resit pembelian untuk rujukan dan lain-lain. (Thomas & Garland, 2010).

Kajian ini bertujuan untuk membincangkan dan menyelesaikan masalah dalam mencatat barangan keperluan oleh setiap individu atau isirumah. Antara masalah yang telah dihadapi adalah kesukaran dalam mengingat barang yang perlu dibeli atau kehilangan senarai pembelian dan sebagainya. Pembangunan laman web bertujuan untuk membantu individu atau isi keluarga dalam menyelesaikan perkara berkenaan. Dengan adanya laman web yang dibina dapat menjimatkan masa setiap individu mahupun isirumah untuk membuat perancangan membeli barangan keperluan harian mereka.

Justeru, setiap individu atau keluarga yang mempunyai masalah dalam mencatat sesuatu barangan itu kini tidak perlu risau lagi kerana laman web Ez Home Budget ini dapat membantu dalam mencatat barangan yang hendak dibeli tanpa sebarang halangan. Tambahan pula, mampu memudahkan perancangan perbelanjaan dengan menggunakan laman web ini. Seterusnya, setiap kemudahan yang telah diberi atau dbina perlulah digunakan sebaiknya kerana kini semuanya diujung jari, hanya menggunakan telefon pintar sahaja sudah mampu untuk mengakses laman web berkenaan. Oleh sebab itu, pengkaji merancang untuk membuat laman web berkenaan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh setiap individu atau keluarga dengan idea-idea inovasi yang bernas dan kreatif ini.

1.2 LATAR BELAKANG PROJEK

Dalam berdepan pandemik Covid-19, Yusoff, et al. (2021) berkata masyarakat negara ini perlu lebih bijak dalam menguruskan kewangan dengan meletakkan perbelanjaan kepada sesuatu yang lebih berobjektif ketika dilanda bencana ini. Terdapat pelbagai cara untuk menjadi pengguna yang lebih bijak dalam berjimat-cermat dan menggunakan sumber kewangan yang ada dengan sebaiknya. Antaranya ialah setiap individu perlu menyenaraikan barangan yang hendak dibeli terlebih dahulu sebelum membuat pembelian di pasaraya mahupun di platform membeli - belah secara atas talian. Bagi individu terutamanya sesebuah keluarga perlu bertindak sebagai satu pasukan dalam menyenaraikan barangan keperluan oleh kerana pengguna perlu bijak dalam menguruskan hal-hal berkaitan kewangan dengan lebih efektif serta bagi mengelakkan ketidakpuasan hati atau pertelingkahan antara pasangan, lalu menjejaskan sesebuah keharmonian rumahtangga. Oleh itu, individu mahupun pasangan ahli rumahtangga ini perlulah bersama-sama mengendalikan dan membuat keputusan yang harmoni dalam menguruskan rutin harian kewangan keluarga. Perancangan kewangan yang baik dan berdisiplin dapat membantu isirumah melaksanakan perbelanjaan dengan berhemah.

Perancangan kewangan dapat mengelakkan individu mahupun isirumah membeli barangan keperluan yang tidak diperlukan, malah dapat menjimatkan masa. Namun begitu, hanya segelintir sahaja yang mampu berbelanja mengikut senarai yang telah dibuat. Justeru, timbul persoalan apakah faktor yang mempengaruhi seisi keluarga untuk berbelanja dengan bijak. Kajian ini dijalankan bagi membina sebuah laman web Ez Home Budget untuk melatih setiap individu dan seluruh ahli keluarga supaya turut sama merancang pembelian barangan keperluan harian. Di samping itu, dengan menggunakan laman web ini dapat membantu individu mahupun ahli keluarga untuk lebih bijak dalam pengurusan kewangan kerana terdapat rekod bajet yang ingin ditetapkan untuk berbelanja barang keperluan. Maka, secara tidak langsung ini dapat membantu pembajetan wang yang telah dibelanjakan pada setiap bulan. (Prof. Dr. Kirti Pandye, 2016).

Pada masa yang sama, pengguna perlu menanggukkan pembelian yang sekadar hanya untuk memenuhi kehendak bagi mengelakkan pembaziran. Menurut Ismail, (2020) jika ditelitikan dengan lebih mendalam, terdapat peningkatan pembaziran yang agak ketara telah berlaku akibat terlalu banyak keinginan untuk berbelanja ke atas barangan mengikut kemahuan diri berbanding untuk membeli barangan yang diperlukan sahaja. Selain itu, situasi pandemik sekarang membuatkan kebanyakan pengguna akan membuat pembelian secara atas talian tanpa membuat perancangan terlebih dahulu. Hal ini kerana, setiap pengguna kadangkala leka melayari media sosial mahupun portal membeli – belah. Secara tidak langsung, ini menyebabkan pembaziran dalam perbelanjaan. Oleh sebab itu, setiap individu dan isirumah tangga perlu bijak berbelanja supaya dapat menguruskan kewangan dengan lebih baik supaya dapat mengelakkan masalah kewangan berlaku dan tanpa sedar aliran tunai berada dalam keadaan defisit. Tambahan pula, situasi sekarang kerajaan telah menaikkan harga barangan dan kenaikannya sungguh ketara. (Lestari, 2010)

1.3 PENYATAAN MASALAH

Hasil daripada kajian Ismail (2020) berkata, terdapat beberapa masalah yang dialami oleh individu dan sesebuah keluarga berkaitan dengan mencatat senarai barang keperluan yang hendak dibeli. Masalah utama adalah gagal dalam mencatat barang keperluan dengan sistematik serta gagal merancang sebelum membuat pembelian barang. Setiap pengguna tidak mempunyai kaedah yang mudah dan berkesan dalam mencatat senarai barang keperluan seharian. Oleh itu, setiap isirumah perlu mengambil penekanan terhadap masalah ini serta secepat mungkin mencari jalan penyelesaiannya. Jadi disini pengkaji telah mencipta sebuah laman web Ez Home Budget dimana boleh diakses menggunakan telefon pintar mudah alih bagi membantu dalam mencatat senarai barang keperluan yang hendak dibeli.

Seterusnya, masalah dalam membawa senarai barang keperluan ke pusat membeli-belah kerana dengan mencatat atau menulis diatas kertas, masalah kecuaiian seperti tercicir mahupun terlupa untuk membawa senarai barang keperluan akan menimpa individu mahupun isirumah tangga. Selain itu juga , permasalahan dimana tidak mempunyai penyediaan bajet kewangan yang mencukupi oleh kerana tidak membuat senarai barang keperluan terlebih dahulu dan hal ini dapat mendorong seseorang nahupun isirumah tangga untuk megambil barangan yang tidak diperlukan serta akan membeli secara berlebihan. (Lestari, 2010).

Selain itu, menurut ERA Consumer Malaysia's (2011) masalah untuk merekod perbelanjaan pada setiap minggu atau bulan. Di sini, individu dan isirumah tangga perlu merancang bajet perbelanjaan dengan hanya mengikut keperluan seisi rumah. Tanpa mencatat kos perbelanjaan bagi barang keperluan seharian, individu terutamanya terhadap setiap pasangan ini tidak dapat menguruskan kewangan keluarga dengan baik dan cekap. Mencatat jumlah perbelanjaan dalam membeli barang keperluan amatlah penting bagi menjimatkan kos perbelanjaan tanpa adanya pembaziran yang berlaku dikemudian hari. (Adriana Mroon Ambrose, 2022).

Maka dengan itu, pengkaji merancang untuk menghasilkan satu laman web untuk membantu setiap individu terutamanya isirumah tangga dalam mencatat senarai barang keperluan yang hendak dibeli dan dapat merujuk senarai berkenaan semasa pembelian dengan mudah dan senang. Seterusnya dengan menghasilkan laman web ini dapat memudahkan setiap keluarga atau individu itu dalam mencatat senarai barang keperluan seharian serta dapat meningkatkan lagi kemudahan dalam memantau kos perbelanjaan seharian. Laman web ini juga dapat memudahkan setiap pasangan dalam membuat bajet keluarga.


1.4 ANALISIS KEPERLUAN

Analisis keperluan telah dijalankan bagi mengenalpasti keperluan - keperluan pengguna bagi servis laman web Ez Home Budget. Analisis data telah dijalankan melalui *google form* bagi mengenalpasti keperluan laman web untuk mencatat senarai barang keperluan seharian. Borang soal selidik ini diedarkan bagi tujuan tersebut. Seramai 51 responden yang telah menjawab soal selidik pengkaji.



BAHAGIAN A- Maklumat tentang kesesuaian pengguna Ez Home Budget


Rajah dibawah menunjukkan maklumat responden yang telah mengisi borang soal selidik pengkaji.



Rajah 1: Umur reponden

Rajah 1 menunjukkan taburan tahap umur responden yang diperolehi, majoriti responden adalah tahap umur 15-20 tahun sebanyak 54.9% dan 21-30 tahun sebanyak 23.5% daripada keseluruhan 51 responden.


Pekerjaan
51 jawapan



Rajah 2: Pekerjaan

Rajah 2 menunjukkan pekerjaan responden yang diperolehi, majoriti pekerjaan responden adalah pelajar sebanyak 68.6%, golongan bekerja sebanyak 21.6%, suri rumah sebanyak 7.8% dan pesara sebanyak 2% daripada keseluruhan 51 responden.


Bangsa
51 jawapan



Rajah 3: Bangsa

Rajah 3 menunjukkan golongan bangsa responden yang diperolehi, majoriti bangsa responden adalah bangsa Melayu iaitu sebanyak 70.6%, bangsa India sebanyak 17.6% dan bangsa Cina sebanyak 15.7% daripada keseluruhan 51 responden.

Bilangan Ahli Keluarga (termasuk Ibu Bapa)
50 jawapan



Rajah 4: Bilangan ahli keluarga (termasuk Ibu Bapa)


Rajah 4 menunjukkan bilangan ahli keluarga (termasuk Ibu Bapa) responden yang diperolehi, majoriti bilangan ahli keluarga (termasuk Ibu Bapa) responden adalah 1-5 iaitu sebanyak 52% dan 6-10 sebanyak 48% daripada keseluruhan 51 responden.

BAHAGIAN B: Ciri-ciri yang perlu ada pada laman web Ez Home Budget

Skala tahap kepuasan hati

- 1) Sangat tidak setuju
- 2) Tidak setuju
- 3) Setuju
- 4) Sangat setuju


Menunjukkan bar navigasi bagi isi kandungan laman web
50 jawapan



Rajah 5: Menunjukkan bar navigasi bagi isi kandungan laman web

Rajah 5 menunjukkan persetujuan responden bagi keperluan menunjukkan bar navigasi bagi isi kandungan laman web yang diperolehi, majoriti memberikan skala 5 iaitu “sangat setuju” sebanyak 66%, diikuti skala 4 sebanyak 20% dan skala 3 sebanyak 14% daripada keseluruhan 51 responden.


Laman web perlu mudah digunakan untuk penggunaan umum
51 jawapan



Rajah 6: Laman web perlu mudah digunakan untuk penggunaan umum

Rajah 6 menunjukkan persetujuan responden bagi keperluan laman web perlu mudah digunakan untuk penggunaan umum yang diperolehi, majoriti memberikan skala 5 iaitu “sangat setuju” sebanyak 78.4%, dan diikuti skala 3 dan 4 masing-masing sebanyak 10.8% daripada keseluruhan 51 responden.


Laman web bantu mencatat senarai barang dengan sistematik
50 jawapan



Rajah 7: Laman web bantu mencatat senarai barang dengan sistematik

Rajah 7 menunjukkan persetujuan responden bagi keperluan laman web bantu mencatat senarai barang dengan sistematik yang diperolehi, majoriti memberikan skala 5 iaitu “sangat setuju” sebanyak 78%, diikuti skala 4 sebanyak 14% dan skala 3 sebanyak 6% daripada keseluruhan 51 responden.


Keselamatan privasi dimasukkan pada laman web
51 jawapan



Rajah 8: Keselamatan privasi dimasukkan pada laman web

Rajah 8 menunjukkan persetujuan responden bagi keperluan keselamatan privasi dimasukkan pada laman web yang diperolehi, majoriti memberikan skala 5 iaitu “sangat setuju” sebanyak 84.3%, skala 4 sebanyak 5.9% dan skala 3 sebanyak 7.8% daripada keseluruhan 51 responden.


Menampilkan skala kepentingan sesuatu barang
50 jawapan



Rajah 9: Menampilkan skala kepentingan sesuatu barang

Rajah 9 menunjukkan persetujuan responden bagi keperluan menampilkan skala kepentingan sesuatu barang yang diperolehi, majoriti memberikan skala 5 iaitu “sangat setuju” sebanyak 82%, skala 4 sebanyak 12% dan skala 3 sebanyak 6% daripada keseluruhan 51 responden.

Senarai barang hanya dapat dilihat oleh pengguna
51 jawapan



Rajah 10: Senarai barang hanya dapat dilihat oleh pengguna

Rajah 10 menunjukkan persetujuan responden bagi senarai barang hanya dapat dilihat oleh pengguna yang diperolehi, majoriti memberikan skala 5 iaitu “sangat setuju” sebanyak 80.4%, diikuti skala 4 sebanyak 7.8% dan skala 3 sebanyak 9.8% daripada keseluruhan 51 responden

1.5 OBJEKTIF PROJEK

Tujuan projek Ez Home Budget ini dijalankan untuk:

1. Mengenal pasti permasalahan isirumah tangga dalam menyenaraikan barangan keperluan harian.
2. Membangunkan laman web ‘Ez Home Budget’ bagi kegunaan isirumah dalam memudahkan proses menyenaraikan barangan keperluan harian.
3. Mengenalpasti keberkesanan laman “Ez Home Budget” dalam menyenaraikan barangan keperluan harian.

1.6 PERSOALAN PROJEK

- i. Apakah masalah yang dihadapi individu atau isirumah tangga dalam menyenaraikan barangan keperluan harian?
- ii. Apakah platform ini dapat membantu memudahkan proses menyenaraikan barangan keperluan?
- iii. Apakah keberkesanan laman web Ez Home Budget yang dibangunkan dalam memudahkan proses menyenaraikan barangan keperluan harian?

1.7 JUSTIFIKASI PROJEK

Pemilihan produk ini di pilih berdasarkan dengan pemerhatian pengkaji dalam mengenal pasti masalah - masalah yang berlaku bagi mencatat dan membawa senarai barangan keperluan untuk setiap pengguna dan isirumah itu. Pihak pengkaji mencadangkan laman web Ez Home Budget bagi memudahkan setiap pengguna dan isirumah untuk mendapatkan laman web ini. Antara tujuan utama projek ini adalah untuk mengubah cara mencatat senarai barangan keperluan pada kertas secara manual kepada mencatat senarai barangan keperluan secara atas talian. Tambahan dengan teknologi kini laman web berkenaan adalah satu inisiatif yang memudahkan setiap pengguna melayarinya. Selain itu, ia juga dapat menjimatkan masa kerana setiap kali mencatat senarai barangan diatas kertas ia akan mengakibatkan pengguna terlupa untuk membawanya bersama. Bagi mengelakkan perkara itu berlaku lagi, laman web berkenaan dapat memudahkan pengguna mencatat senarai barangan keperluan harian. Malah penampilan kepentingan barangan juga ditonjolkan bagi menunjukkan keutamaan setiap kepentingan barang yang hendak dibeli. Perkara ini membantu setiap pengguna dalam merancang perbelanjaan harian dan menguruskan kewangan agar lebih berhemah lagi. Pengguna juga dapat membahagikan setiap perbelanjaan yang diperlukan sahaja dan menerapkan sikap disiplin dalam diri dengan mengikuti rancangan dan bajet yang telah ditetapkan. (Adriana Mroon Ambrose, 2022)

1.8 SKOP PROJEK

Skop kajian ini memfokuskan kepada beberapa masalah dalam menguruskan catatan senarai pembelian barang keperluan secara tidak sistematik yang dihadapi oleh individu serta isirumah tangga di Malaysia. Selain itu, menurut Thomas & Garland (2010), isu berbelanja secara berlebihan serta barang yang terlepas catat daripada senarai pembelian barang disebabkan oleh hanya seorang sahaja wakil yang mencatatkan senarai pembelian barang dan tidak terlepas juga kecuaiian meninggalkan catatan senarai barang keperluan tersebut di rumah ataupun tercicir di mana-mana. Untuk makluman, hasil daripada platform soal selidik, hampir ke semua daripada maklum balas soal selidik tersebut mempunyai kesukaran untuk membawa senarai barang keperluan ke tempat lain. Malah majoriti daripada maklum balas bersetuju tentang memasukkan tempat penyimpanan data resit pembelian barang keperluan bagi memudahkan rekod pembajetan. Oleh itu, pembangunan laman web Ez Home Budget ini dapat menyelesaikan permasalahan setiap individu mahupun isirumah tangga dalam pengurusan mencatat senarai pembelian barang keperluan dengan lebih efektif dan sistematik serta masyarakat dapat berkembang dengan generasi kini mengikut pendedaran teknologi semasa. (Prof. Dr. Kirti Pandye, 2016)

1.9 KEPENTINGAN PROJEK

Laman web adalah seperti kedai yang beroperasi 24 jam. Ianya boleh mengautomasikan sesuatu inovasi dengan membina laman web. Segala informasi berkenaan dengan sesuatu ciptaan dimasukkan ke dalam laman web dan ini memudahkan pelanggan mendapatkan maklumat lengkap ataupun memberikan maklumat tanpa perlu menghubungi atau bertanya (Dime Nickel, 2019).

Tambahan pula, pengkaji telah mencipta laman web Ez Home Budget bagi membantu keluarga atau individu itu untuk menyediakan satu senarai atau menetapkan anggaran bajet untuk berbelanja bagi sesuatu barang supaya wang yang dikeluarkan nanti tidak akan bertambah ketika melakukan perbelanjaan harian. Sejak kebelakangan ini boleh dilihat, ramai diantara individu itu suka membuat senarai barangan dengan mencatat satu persatu barang keperluan itu di atas kertas tetapi dengan hanya sekeping kertas itu tidak mustahil untuk terlupa membawanya bersama ini telah menyebabkan individu itu terpaksa berfikir kembali apa yang patut dibeli sehingga membuatkan anggaran perbelanjaan telah melebihi hadnya dan akan berlakunya pembaziran kewangan juga. (Sia Abdullah, et al., 2017).

Akhir sekali, manfaat lain yang telah pengkaji perolehi daripada web Ez Home Budget yang telah pengkaji bina ini adalah untuk memudahkan seisi keluarga itu untuk membuat perbelanjaan barangan secara berhemah. Akibatnya, boleh menjimatkan masa setiap individu dan keluarga itu dalam berbelanja tanpa perlu guna kertas dengan adanya web Ez Home Budget yg telah diwujudkan. Natiujahnya, setiap inovasi hari ini adalah demi kebaikan semua dan juga generasi akan datang di mana setiap rekaan sesuatu dapat memberikan fungsi yang baik kepada individu itu sekeluarga dan yang akan datang.

1.10 TAKRIFAN ISTILAH

Projek

- Projek adalah usaha sementara yang bertujuan untuk menghasilkan produk, perkhidmatan atau hasil yang unik dengan permulaan dan akhir yang jelas (biasanya masa terhad, dan kerap dibatasi oleh pembiayaan atau penyerahan) yang dilakukan untuk memenuhi matlamat dan objektif yang unik, biasanya untuk membawa perubahan bermanfaat atau nilai tambah. (Wikipedia ensiklopedia bebas, 2021).

Soal Selidik

- Soal selidik merupakan satu set soalan atau item dalam bentuk tulisan. Ia merupakan satu alat yang dibentuk secara khusus untuk mengumpul maklumat bagi tujuan analisis yang dapat menjawab persoalan kajian. (Shahrul Nizam, 2017).

Laman web

- Laman web ialah dokumen berisi maklumat yang boleh dilawat di jaringan sejagat menggunakan suatu pelayar web (sesawang).
- Laman web ditakrifkan dokumen elektrik yang dipaparkan di skrin komputer tentang sesuatu, di mana ia dapat dicapai dengan menggunakan Internet. (Wikipedia ensiklopedia bebas, 2022).

Bajet

- Bajet merupakan satu pelan perbelanjaan, iaitu cara untuk mengimbangi wang yang miliki dengan wang yang dibelanjakan. (ERA Consumer Malaysia's, 2011).

1.11 RUMUSAN

Justeru, ramai individu serta isirumah tangga menghadapi masalah kesukaran untuk membuat catatan dan bajet di setiap pembelian barang keperluan rumah. Disebabkan itu, Pengkaji membuat soal selidik dan cadangan penambahbaikan kepada seisi keluarga itu untuk mendapatkan maklumat dengan lebih lanjut lagi bagi membantu individu serta seisi keluarga ini untuk terus maju dalam membuat sebarang penyimpanan serta bajet pada setiap pembelian. Oleh itu, pengkaji mencipta Ez Home Budget menerusi laman web untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sesebuah keluarga ini. Dengan adanya laman web berkenaan, ianya dapat memudahkan setiap pasangan dalam merancang bajet keluarga dengan mudah.

BAB 2: KAJIAN LAPANGAN

2.1 PENDAHULUAN

Bab 2 ini akan menerangkan secara ringkas tentang perkembangan kajian yang telah dibuat dengan lebih terperinci serta membincangkan tentang kajian lepas yang berkaitan dengan keluarga bagi memudahkan keluarga untuk membeli barangan rumah tanpa mencatat di kertas. Di samping itu, kajian ini memfokuskan kepada individu ataupun isirumah tangga untuk menguji keberkesanan web ini di samping untuk memudahkan keluarga tersebut membuat kiraan bajet ataupun senarai barangan tanpa menuliskannya di kertas. Bagi melihat keberkesanan ini, pengkaji telah membuat analisis untuk mengetahui permasalahan keluarga yang di hadapi adakah pengguna itu lebih sesuai mencatat di kertas ataupun di web yang telah pengkaji sediakan ini. Kajian ini dihasilkan secara inovasi dan kreatif untuk membangunkan lagi perkembangan ekonomi bagi membantu golongan isirumah.

2.2 KAJIAN TERDAHULU/ULASAN/SIASATAN

2.2.1 Keperluan mencatat senarai barangan keperluan

Projek laman web Ez Home Budget dapat mencatat senarai pembelian barang keperluan untuk setiap pengguna. Setiap isirumah dapat mencatat senarai barang keperluan dengan mudah dan lebih efektif dengan menggunakan laman web Ez Home Budget. Menurut Lestari (2010), kini harga barangan semakin meningkat dan kenaikannya sungguh ketara. Sebagai pengguna, perlulah bijak berbelanja supaya dapat menguruskan kewangan dengan baik. Sekiranya tidak bijak berbelanja, individu tersebut mungkin mengalami masalah kewangan. Pengguna yang bijak, iaitu individu atau pembeli akan menyenaraikan barangan yang hendak dibeli sebelum pergi ke kedai atau pasar raya dan juga perlu mengikut senarai tersebut semasa memilih barangan yang hendak dibeli.

Dengan adanya laman web Ez Home Budget, tugas mencatat senarai barang keperluan menjadi cepat dan mudah. Setiap isirumah hanya perlu memasuki dalam laman web Ez Home Budget dan membuat satu senarai pembelian barang keperluan. Malah, setiap ahli keluarga juga dapat melihat dan membuat penambahan atau pengurangan senarai barang keperluan dalam laman web tersebut melalui perkongsian kod kunci rahsia. Hal ini dapat membolehkan setiap ahli dalam isi rumah melihat senarai barang keperluan yang hendak dibeli pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sahaja.

2.2.2 Perancangan bajet keluarga

Delachieve (2019) berkata, merancang bajet keluarga adalah satu perkara yang serius yang memerlukan pendekatan yang betul. Tanpa kawalan yang sepatutnya, duit yang dikumpulkan pasti boleh dibelanjakan dengan sewenang-wenangnya untuk perkara yang tidak berfaedah dan

menjelaskan bajet kewangan. Pada masa kini, semua isirumah memerlukan program perisian yang boleh membantu merancang bajet keluarga dengan cepat dan mudah.

Oleh itu, laman web Ez Home Budget dapat membantu setiap isirumah untuk membuat perancangan bajet keluarga dengan kemudahan yang telah disediakan iaitu pengguna dapat memasukkan dan menetapkan jumlah bajet sebelum membuat pembelian barangan keperluan dan melihat baki daripada perbelanjaan yang telah dilakukan. Justeru, melalui pemantauan bajet yang konsisten pengguna dapat mengawal kos perbelanjaan untuk pembelian barang keperluan serta mengelakkan pembaziran wang dalam membeli barang keperluan untuk isirumah.

2.2.3 Keberkesanan dalam pengurusan kewangan

Projek laman web Ez Home Budget dapat membenarkan setiap isirumah untuk membuat pengurusan kewangan dengan lebih efektif dan sistematik. YYP (2021) berkata, pengurusan kewangan perlu dilakukan oleh setiap isirumah untuk memastikan aliran kewangan tidak mengalami kerugian dan terlebih kos perbelanjaan untuk pembelian barang keperluan. Selain itu, masalah-masalah seperti pergaduhan dalam rumah tangga, penceraian suami isteri dan keganasan rumah tangga akan berlaku sekiranya mempunyai masalah pengurusan kewangan. Dengan menentukan kategori perbelanjaan keluarga, ia boleh membantu isirumah untuk berjimat cermat bagi mengurangkan perbelanjaan untuk mencapai matlamat kewangan.

2.3 KAEDAH LAMAN WEB EZ HOME BUDGET

Sebelum laman web Ez Home Budget ini dibina, proses mencatat senarai barangan keperluan akan dilakukan secara manual oleh individu mahupun isirumah tangga sebelum membeli sesuatu barang. Hal ini, secara tidak langsung, akan membuang masa setiap pengguna kerana perlu mencatat senarai barangan diatas kertas dan secara tidak langsung akan menjadi satu permasalahan dalam pengurusan masa. Contohnya, sesetengah pasangan itu bekerja dan tiada masa untuk mencatat senarai barangan keperluan rumah dengan sebaiknya. Seterusnya, kebanyakan pengguna akan membeli barang secara rawak disebabkan oleh terlupa membawa kertas senarai barang keperluan bersama dan sebagainya. Pengurusan kewangan harian juga akan terjejas disebabkan oleh pembaziran ketika membeli barang yang tidak diperlukan. (Thomas & Garland, 2010). Oleh yang demikian, pengkaji telah membangunkan satu inovasi bagi membina laman web Ez Home Budget bagi menyelesaikan masalah yang sering berlaku oleh setiap individu mahupun ahli keluarga dalam mencatat senarai barangan keperluan. Pembaharuan yang telah dilakukan oleh pengkaji ialah membangunkan sebuah laman web untuk membuat perancangan bajet dalam perbelanjaan harian. Laman web Ez Home Budget ini yang mampu memberikan jalan penyelesaian kepada masalah yang sering berlaku di kalangan individu mahupun sesebuah ahli keluarga dalam membuat perancangan bajet untuk perbelanjaan barangan keperluan.

Selain itu juga, pengguna dapat mengakses laman web Ez Home Budget dalam telefon pintar mudah alih walau dimana sekalipun lokasi pengguna, tidak ketinggalan juga setiap ahli keluarga dapat mencatat senarai barang keperluan di dalam sebuah laman web yang sama. Hal ini secara tidak langsung akan menjimatkan masa setiap pengguna dan pada masa yang sama, dapat meningkatkan mobiliti dimana senarai barang keperluan yang dicatat dapat dilihat pada bila-bila masa dengan hanya menggunakan telefon pintar. Malah, laman web Ez Home Budget ini amatlah menguntungkan pengguna oleh kerana laman web ini adalah percuma bagi setiap pengguna yang mengaksesnya serta laman web Ez Home Budget ini juga dapat menampilkan skala kepentingan barang yang perlu dibeli. Akhir sekali, laman web berkenaan mempunyai ciri keselamatan yang selamat dan terkawal (Geoffrey Miller, 2012).

2.4 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, bab 2 ini telah membincangkan kepentingan mencatat senarai barangan keperluan, perancangan bajet keluarga dan keberkesanan pengurusan kewangan melalui laman web Ez Home Budget terhadap semua individu dalam isirumah.

BAB 3: METODOLGI/ REKA BENTUK

3.1 PENDAHULUAN

Bab ini menerangkan secara lebih lanjut mengenai proses dalam membangunkan laman web Ez Home Budget dan cara - cara penyelidikan yang dihasilkan dalam kajian ini. Seterusnya bab ini akan menerangkan tentang proses penyelidikan yang merangkap tentang projek ini, penambahbaikan serta fungsi baru kajian yang digunakan.

3.2 REKA BENTUK PROJEK

Ez Home Budget ialah satu laman web dimana dihasilkan untuk memudahkan suri rumah ataupun sesebuah keluarga dalam merancang bajet atau menyenaraikan barangan keperluan. Dengan adanya Ez Home Budget ia dapat membantu untuk menyenaraikan barang keperluan asas di samping dapat merancang kewangan. Dengan wujudnya laman web Ez Home Budget ini, banyak kelebihan dimiliki bagi mengurangkan penggunaan duit dalam masa sebulan. Perkakasan yang digunakan untuk menghasilkan laman web EZ Home Budget ialah *Microsoft Excel*, Komputer Riba dan menggunakan *Spreadsheet Converter* untuk menukarkan excel ke laman web.

3.2.1 Pembangunan produk ini dilaksanakan dengan menggunakan model “ADDIE”

Model ADDIE diasaskan oleh Rosset pada tahun 1987. Model ADDIE merupakan model reka bentuk yang berfungsi sebagai garis panduan ke arah pembinaan perisian dan bahan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan keperluan. Model ini merupakan antara model pengajaran yang sering menjadi asas kepada model - model reka bentuk pengajaran yang lain. Model ADDIE merupakan proses generik yang perlu diubahsuai sebelum dapat digunakan. Tujuan model ini direka bentuk adalah untuk menghasilkan rancangan pengajaran dan bahan pembelajaran agar penyampaian sesuatu pengajaran itu akan menjadi lebih efektif dan efisien. Model Pengajaran ADDIE yang meliputi fasa - fasa analisis, reka bentuk, pembangunan, pelaksanaan dan penilaian. (Rosset, 1987)


Lima fasa yang terdapat di dalam Model ADDIE iaitu:

- A (Analysis) - Analisis
- D (Design) - Reka bentuk
- D (Development) - Pembangunan
- I (Implementation) - Pelaksanaan
- E (Evaluation) - Penilaian

Fasa analisis (*Analysis*)


Analisis keperluan

Analisis keperluan projek dijalankan dengan mengedar borang soal selidik kepada responden menggunakan *google form*. Soal selidik ini mempunyai 10 soalan, 4 soalan berkenaan latar belakang responden dan seterusnya 6 soalan berkenaan pandangan responden terhadap keperluan laman web Ez Home Budget. Berikut adalah hasil dapatan dari edaran soal selidik.



Rajah 1: Menunjukkan umur responden


Rajah 1 menunjukkan bahawa majoriti umur daripada 15-20 iaitu 42.4% dan 31-30 iaitu 27.3%.



Rajah 2: Menunjukkan jenis pekerjaan responden

Rajah 2 menunjukkan pekerjaan majoriti iaitu 63.6% pelajar dan 21.2% bekerja.


Bangsa
33 jawapan



Rajah 3: Menunjukkan majoriti bangsa

Rajah 3 menunjukkan majoriti bangsa iaitu 72.7% Melayu dan 18.2% Cina.


Bilangan Ahli Keluarga (termasuk Ibu Bapa)
33 jawapan



Rajah 4: Menunjukkan majoriti bilangan ahli keluarga

Rajah 4 menunjukkan majoriti bilangan ahli keluarga (termasuk Ibu Bapa) iaitu 54.5% terdiri daripada 1-5 ahli keluarga dan 45.5% terdiri daripada 6-10 ahli keluarga.

Menunjukkan bar navigasi bagi isi kandungan laman web
35 jawapan




Rajah 5

Rajah 5 menunjukkan keperluan menunjukkan bar navigasi bagi isi kandungan laman web iaitu 71.4% memberi markah 5 dan 17.1% memberi markah 4 dalam markah 1-5.

Laman web perlu mudah digunakan untuk penggunaan umum

37 jawapan




Rajah 6

Rajah 6 menunjukkan keperluan laman web perlu mudah digunakan untuk penggunaan umum iaitu 78.4% memberi markah 5 dan 10.8% memberi markah 4 dalam markah 1-5.

Laman web bantu mencatat senarai barang dengan sistematik

36 jawapan




Rajah 7

Rajah 7 menunjukkan keperluan laman web bantu mencatat senarai barang dengan sistematik iaitu 75% memberi markah 5 dan 19.4% memberi markah 4 dalam markah 1-5.

Keselamatan privasi dimasukkan pada laman web

37 jawapan




Rajah 8

Rajah 8 menunjukkan keperluan keselamatan privasi dimasukkan pada laman web iaitu 81.1% memberi markah 5 dan 8.1% memberi markah 3 dan 4 dalam markah 1-5.

Menampilkan penyimpanan data resit pembelian barang

36 jawapan




Rajah 9

Rajah 9 menunjukkan keperluan menampilkan penyimpanan data resit pembelian barang iaitu 83.3% memberi markah 5 dan 11.1% memberi markah 4 dalam markah 1-5.

Meletakkan kepelbagaian jenis kategori barang untuk dibeli

37 jawapan




Rajah 10

Rajah 10 menunjukkan keperluan meletakkan kepelbagaian jenis kategori barang untuk dibeli iaitu 86.5% memberi markah 5 dan 5.4% memberi markah 3 dan 4 dalam markah 1-5.

Fasa Reka bentuk (*Design*)


3.2.2 Kaedah/Prosedur/Teknik penghasilan projek

Langkah pertama pengkaji memulakan dengan melakar reka bentuk laman web dan maklumat - maklumat yang perlu dimasukkan ke dalam laman web EZ Home Budget.




Rajah 3.1: Paparan proses reka bentuk laman web EZ Home Budget dengan menggunakan perisian excel.

Reka bentuk diteruskan dengan langkah kedua iaitu kemaskini laman web EZ Home Budget. Semua maklumat yang berkaitan akan dipaparkan di dalam laman web ini.



Rajah 3.2: Paparan kemaskini maklumat muka depan

Langkah ketiga ialah menambahbaikkan laman web EZ Home Budget semua maklumat barangan di isi dalam setiap kotak bagi memenuhi semua kriteria.




Rajah 3.3: Menunjukkan penambahbaikan laman web



Rajah 3.4: Menunjukkan kemaskini laman web EZ Home Budget


Fasa Pembangunan (*Development*)

Langkah pertama diteruskan dengan menukarkan excel untuk dijadikan dalam bentuk laman web



Rajah 3.5: Menunjukkan penukaran excel ke laman web menggunakan *Spreadsheet Converter*. Kaedah yang seterusnya ialah perlu mengemaskini semula laman web

Langkah kedua diteruskan dengan mengalihkan ke laman web.



Rajah 3.6: Menunjukkan langkah untuk mengalihkan excel ke laman web.

Langkah terakhir menunjukkan penghasilan dalam mengalihkan excel ke laman web

Re: Please convert Inbox x



SpreadsheetConverter Support <support@spreadsheetconverter.com>

to me ▾

hello,

Please see the following demo HTML Professional conversion: <https://tinyurl.com/25pggbsy>.

Let us know if anything did not convert correctly or if we can answer any questions.

Ready to buy? <https://www.spreadsheetconverter.com/buy/>

Thank you for your interest in the SpreadsheetConverter.

Regards,

SpreadsheetConverter Support

support@spreadsheetconverter.com

<https://www.spreadsheetconverter.com>

Rajah 3.7: Menunjukkan penghasilan dalam mengalihkan excel ke laman web.

Fasa Perlaksanaan (*Implementation*)

Pada peringkat perlaksanaan, pengkaji memberikan link web kepada pengguna untuk digunakan dalam kehidupan harian ketika isirumah merancang belian barangan keperluan rumah. Pengkaji menerangkan cara - cara penggunaan kepada pengguna seperti berikut:

Langkah pertama, masukkan jumlah bajet yang ingin diperlukan.

EZ HOME BUDGET	Jumlah Bajet	500
----------------	--------------	-----

Langkah kedua, mengisi senarai barang keperluan yang hendak dibeli. Seterusnya, meletakkan nombor bagi kepentingan barang dan juga harga barang tersebut.

EZ HOME BUDGET		Jumlah Bajet	500																																		
Tarikh:		3/12/2022																																			
<table border="1" style="width: 100%;"><thead><tr><th>No</th><th>Kepentingan</th></tr></thead><tbody><tr><td>1</td><td>****</td></tr><tr><td>2</td><td>***</td></tr><tr><td>3</td><td>**</td></tr><tr><td>4</td><td>*</td></tr></tbody></table>	No	Kepentingan	1	****	2	***	3	**	4	*	<table border="1" style="width: 100%;"><thead><tr><th>Bil.</th><th>Senarai Barangan</th><th>No</th><th>Kepentingan</th><th>Harga</th></tr></thead><tbody><tr><td>1</td><td>susu tepung</td><td>1 ▾</td><td>****</td><td>90</td></tr><tr><td>2</td><td>telur ayam</td><td>2 ▾</td><td>***</td><td>20</td></tr><tr><td>3</td><td>lampin basah</td><td>1 ▾</td><td>****</td><td>200</td></tr><tr><td>4</td><td>baju tidur</td><td>4 ▾</td><td>*</td><td>30</td></tr></tbody></table>	Bil.	Senarai Barangan	No	Kepentingan	Harga	1	susu tepung	1 ▾	****	90	2	telur ayam	2 ▾	***	20	3	lampin basah	1 ▾	****	200	4	baju tidur	4 ▾	*	30	
No	Kepentingan																																				
1	****																																				
2	***																																				
3	**																																				
4	*																																				
Bil.	Senarai Barangan	No	Kepentingan	Harga																																	
1	susu tepung	1 ▾	****	90																																	
2	telur ayam	2 ▾	***	20																																	
3	lampin basah	1 ▾	****	200																																	
4	baju tidur	4 ▾	*	30																																	

Langkah ketiga, baki bajet akan dikira secara automatik untuk pengguna.

Baki Bajet	160
------------	-----

Langkah keempat, klik butang *Real-time Sync*. Masukkan *Secret Key* dan menekan butang *Connect*. Pengguna dapat mengkongsikan bajet kepada ahli keluarga dengan menekan *Share The Link*.




Langkah kelima, pengguna dapat mengemaskini bajet dengan menekan butang *Update*.



Langkah kelima, pengguna dapat membuat bajet baru dengan menekan butang *Reset* untuk memadam bajet terdahulu.



Langkah terakhir, pengguna boleh mencetak atau menyimpan bajet dalam bentuk kertas dan PDF dengan menekan *Print All*.



The screenshot displays the 'EZ HOME BUDGET' web application. The main content area features a table with the following data:

No	Kepentingan	Bil	Senarai Barangan	No	Kepentingan	Harga
1	***		kabel pusing	1	***	90
2	***		teluk ayam	2	***	20
3	**		lampin basuh	1	***	200
4	*		baju tidur	4	*	30
5		X		2	***	0
6		X		3	**	0
7		X		2	***	0
8		X		2	***	0
9		X		2	***	0
10		X		2	***	0
11		X		2	***	0
12		X		2	***	0
13		X		2	***	0
14		X		2	***	0
15		X		2	***	0
16		X		2	***	0
17		X		2	***	0
18		X		2	***	0
19		X		2	***	0
20		X		2	***	0
21		X		2	***	0
22		X		2	***	0
23		X		2	***	0
24		X		2	***	0

The right sidebar shows print settings: 'Print' (2 sheets of paper), 'Destination' (Microsoft Print to PDF), 'Pages' (All), 'Layout' (Landscape), 'Color' (Color), and 'More settings'. At the bottom, there are 'Print' and 'Cancel' buttons.

3.2.3 Bahan dan Peralatan

Bahan dan peralatan yang digunakan untuk menghasilkan laman web EZ Home Budget ini ialah:

a) Excel

Digunakan untuk mengisi maklumat bagi pemulaan untuk mencipta dalaman laman web.

b) Komputer riba

Digunakan untuk menaip dan membuat kerja-kerja seperti penulisan dan lakaran gambaran.

c) Spreadsheet Converter

Digunakan untuk menukarkan excel ke bentuk laman web apabila excel tersebut telah lengkap, sempurna untuk digunakan oleh pengguna.

3.2.4 Kajian Rintis

Kajian ini dicipta bertujuan mengikut permasalahan yang dihadapi oleh suri rumah mahupun yang sudah berkeluarga. Dari hasil soal selidik, uji kaji telah dilakukan seramai 30 orang yang telah memberi respon terhadap permasalahan ini. Setelah pengkaji meneliti, begitu ramai orang mengambil bahagian untuk diuji kaji.

3.2.5 Maklum balas kajian rintis

Platform soal selidik ini digunakan untuk mendapatkan maklum balas kajian rintis ini. Setiap pengguna telah diminta untuk menjawab beberapa soalan dalam borang soal selidik tersebut. Kajian ini berhasil mendapatkan maklum balas dari responden bahawa dengan terciptanya laman web ini lagi memudahkan orang ramai untuk membuat perancangan dalam membeli. Dari situ, pengkaji menghasilkan laman web yang serbaguna untuk golongan yang memerlukan.

3.2.6 Penambahbaikan produk

Daripada maklum balas kajian rintis, terdapat beberapa penambahbaikan yang perlu disegerakan untuk membolehkan kajian ini terlihat lebih sempurna dan lengkap apabila digunakan. Contohnya dari segi barangan keperluan seperti beras, gula dan bahan basah, telah pengkaji bintangkan agar pengguna terlebih dahulu membeli barangan tersebut daripada barangan yang kurang diperlukan.

3.3 KAEDAH ANALISIS DATA

Kajian ini akan dijalankan dengan mengedarkan soalan soal selidik melalui platform *google form* kepada pengguna yang mempunyai keluarga pada Rajah 4. Statistik data daripada soal selidik ini akan dikumpulkan untuk disenaraikan dalam jadual yang disediakan. Tujuan kajian ini untuk membuat kesimpulan untuk keluarga sama ada setuju ataupun tidak.

ANALISIS KEBERKESANAN

Tahap penilaian adalah seperti berikut:

- 1- Tidak setuju
- 2- Kurang setuju
- 3- Tidak pasti
- 4- Setuju
- 5- Sangat setuju

Bil	Soalan analisis	1	2	3	4	5
1	Menunjukkan bar navigasi bagi isi kandungan laman web?					
2	Laman web mudah digunakan untuk penggunaan umum?					
3	Laman web bantu mencatat senarai barang dengan sistematik?					
4	Keselamatan privasi dimasukkan pada laman web?					
5	Menampilkan penyimpanan data resit pembelian barang?					
6	Meletakkan kepelbagaian jenis kategori barang untuk dibeli?					
7	Senarai barang hanya dapat dilihat oleh pengguna?					

3.3.1 Borang Soal Selidik

Borang soal selidik ini dihasilkan bagi mendengar pendapat daripada responden tentang masalah harian yang selalu dihadapi terutamanya apabila hendak membeli barang dan menyimpan resit. Dengan adanya borang soal selidik ini pengguna dapat memberi respon akan masalah yang dihadapi agar dapat pengkaji menghasilkan kajian ini dengan lebih teliti. Borang ini telahpun diedarkan kesemua orang agar dapat memberi pendapat dengan secepat mungkin. Setelah diedarkan, pengkaji telah mendapat responden seramai 30 orang yang telah mengisi borang tersebut. Ianya tidak begitu susah untuk dijawab, hanya perlu mengklik sama ada jawapan pengguna setuju ataupun tidak setuju akan penciptaan laman web ini.

3.3.2 SWOT Analisis

Analisis SWOT adalah teknik yang digunakan untuk mengidentifikasi kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman untuk syarikat. Meskipun banyak digunakan dalam organisasi perusahaan kecil-kecilan sehingga perusahaan yang besar, tetapi analisis SWOT juga boleh digunakan untuk tujuan kegunaan peribadi. Walaupun secara sederhana, analisis SWOT adalah alat yang mampu untuk membantu mengidentifikasi peluang kompetitif untuk meningkat dan mengembangkan strategi perniagaan. Dengan cara ini pengkaji dapat bergerak secara berkumpulan untuk meningkatkan projek agar dapat memberikan peluang kepada pengguna umum dan lebih diperkenalkan.

3.3.3 4P Analisis

4P adalah faktor keberhasilan pemasaran barang atau jasa. Istilah tersebut merupakan gabungan antara produk (*product*), harga (*price*), tempat (*place*), dan promosi (*promotion*). Keempat hal tersebut dapat bergabung dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Biasanya, perusahaan menggunakan 4P untuk mengidentifikasi keinginan dan kepuasan setiap pengguna. Selain itu, strategi ini juga kerap digunakan untuk melihat posisi perusahaan dengan pesaing yang lain. Tambahan, jika menggunakan strategi pemasaran 4p ini perniagaan akan lebih berjaya.

3.4 IMPAK PRODUK

Sepanjang tempoh pembaharuan dan keunikan produk inovasi ini, keberkesanan dan kebolegunaan produk ini telah dibuktikan apabila ianya telah dilaksanakan kepada setiap pengguna. Sepanjang tempoh pelaksanaannya ia telah memberikan ciri-ciri berikut: **(Impak Produk)**

- i. **Penjimatan masa.** Setiap pengguna tidak perlu membuang masa yang lama untuk mencatat senarai barangan keperluan diatas kertas. Menerusi laman web ini pengguna boleh terus mencatat melalui telefon pintar. Dengan adanya senarai barang keperluan di dalam telefon, pengguna tidak akan mengambil masa lama ketika berada di kedai atau pasaraya. Hal ini

secara tidak langsung dapat mengelakkan diri daripada membeli barangan yang tidak diperlukan. Senarai barang keperluan adalah penting untuk setiap pengguna.

- ii. **Penjimatan kos.** Penciptaan web ini sudah semestinya dapat menjimatkan kos kerana penyediaan senarai barangan tidak perlu lagi menggunakan kertas. Malah dapat membuat anggaran jumlah wang yang digunakan semasa membuat pembelian. Tambahan, setiap pengguna boleh membawa wang yang secukupnya semasa keluar berbelanja. Sudah semestinya akan membawa lebih banyak faedah dalam berjimat. Wang yang terhad akan menghadkan diri daripada berbelanja secara boros.
- iii. **Peningkatan pengetahuan.** Dengan laman web berkenaan setiap pengguna dapat meningkatkan pengetahuan dalam penggunaan teknologi dengan mudah. Kini dengan perkembangan teknologi masyarakat diluar sana tidak terkecuali menggunakan telefon pintar. Ini sudah menunjukkan pengguna mengetahui serba sedikit tentang teknologi.

3.5 RUMUSAN

Kesimpulannya, bab ini lebih memfokuskan tentang penghasilan projek dan keberkesanan projek sebelum dan selepas pembuatan. Disamping itu, pengkaji telah berjaya menghasilkan pelbagai analisis agar dapat diterima dan diyakini oleh pengguna. Akhir sekali, terdapat beberapa yang telah dianalisis dengan tepat untuk menguji keberkesanan projek ini.

BAB 4: ANALISIS DAPATAN PROJEK INOVASI DAN PERBINCANGAN

4.1 PENDAHULUAN

Bab ini akan menerangkan tentang analisis projek perniagaan dan dapatan kajian dari penghasilan projek inovasi. Kajian ini akan menerangkan tentang dapatan kajian, kelebihan produk, kekurangan produk, masalah dalam penghasilan produk. Tambahan pengkaji telah menjalankan pengujian kepada laman web ini yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan peringkat kedua. Seterusnya, ialah pengkaji telah menerangkan SWOT analisis secara terperinci di dalam bab ini. Projek inovasi ini telah dihasilkan dengan menggunakan 4p' analisis untuk membangunkan produk.

4.2 DAPATAN KAJIAN / PENGUJIAN

Kaedah Analisis Data:

Statistik data daripada soal kaji selidik sebelum laman web Ez Home Budget dibangunkan telah dikumpulkan dan disenaraikan seperti jadual rujukan di bawah:

MAKLUMBALAS DARI RESPONDEN										
Soalan/ Jawapan	Sangat Setuju		Setuju		Biasa		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	NO	%	NO	%	NO	%	NO	%	NO	%
1. Menunjukkan bar navigasi bagi isi kandungan laman web	25	71.4	6	17.1	4	11.4				
2. Laman web perlu mudah digunakan untuk penggunaan umum	29	78.4	4	10.8	4	10.8				
3. Laman web bantu mencatat senarai barangan dengan sistematik	27	75	7	19.4	1	2.8	1	2.8		
4. Keselamatan privasi dimasukkan pada laman web	30	81.1	3	8.1	3	8.1			1	2.7
5. Menampilkan penyimpanan data resit	30	83.3	4	11.1	2	5.6				

pembelian barang										
6. Meletakkan kepelbagaian jenis kategori barang untuk dibeli	32	86.5	2	5.4	2	5.4			1	2.7
7. Senarai barangan hanya dapat dilihat oleh pengguna	32	86.5	2	5.4	2	5.4			1	2.7

Rajah 4.2.1: Menunjukkan data kajian sebelum laman web Ez Home Budget dibangunkan melalui borang soal selidik di *google form*.

Borang soal selidik melalui *google form* telah digunakan untuk mendapatkan maklumbalas terhadap lebih dari 30 responden sebelum laman web Ez Home Budget dibangunkan. Pengguna telah diminta untuk menjawab soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa 71.4 % responden sangat setuju dengan soalan satu iaitu bar navigasi di dalam laman web dapat ditunjukkan. Selanjutnya 78.4% menjawab sangat setuju pada soalan dua iaitu laman web mudah digunakkan untuk penggunaan umum. Di samping itu, 75 % menjawab sangat setuju pada soalan tiga iaitu, laman web Ez Home Budget bantu mencatat senarai barangan secara sistematik. Tambahan pula, 81.1% responden berpendapat bahawa keselamatan privasi perlu dimasukkan pada laman web. Seterusnya, 83.3% sangat setuju bahawa jika laman web menampilkan penyimpanan data resit pembelian barang. Oleh itu, seramai 86.5% sangat setuju dengan meletakkan kepelbagaian jenis kategori barang di dalam laman web. Akhir sekali, sebanyak 86.5 % responden mengatakan sangat setuju untuk soalan terakhir iaitu senarai barang hanya dapat dilihat oleh pengguna.

Dapatan kajian atau pengujian selepas laman web Ez Home Budget yang disediakan oleh pengkaji menunjukkan laman web Ez Home Budget telah mendapat maklum balas yang positif daripada 30 orang responden. Perkara ini dapat dibuktikan melalui statistik data daripada soal kaji selidik yang dikumpul dan disenaraikan di dalam jadual di bawah:

MAKLUMBALAS DARI RESPONDEN										
Soalan/ Jawapan	Sangat Setuju		Setuju		Biasa		Tidak Setuju		Sangat Tidak Setuju	
	NO	%	NO	%	NO	%	NO	%	NO	%
1. Adakah bar navigasi bagi isi kandungan laman web ezhome budget	15	50	9	30	5	16.7	1	3.3		

dapat membantu setiap pengguna?										
2. Adakah laman web ezhome budget mudah digunakan untuk penggunaan umum?	19	63.3	5	16.7	6	20				
3. Adakah laman web ezhome budget membantu mencatat senarai barangan secara sistematik?	21	70	4	13.3	5	16.7				
4. Adakah keselamatan privasi yang dimasukkan pada laman web ezhome budget ini berkesan?	7	23.3	7	23.3	9	30	7	23.3		
5. Adakah laman web ezhome budget telah menampilkan penyimpanan data resit pembelian barang?	7	24.1	13	44.8	7	24.1	2	6.9		
6. Adakah laman web ezhome budget telah meletakkan kepelbagaian jenis kategori barang?	17	56.7	7	23.3	6	20				
7. Adakah senarai barang hanya dapat dilihat oleh pengguna dan ahli keluarga sahaja?	9	30	10	33.3	9	30	2	6.7		

Rajah 4.2.2: Menunjukkan data kajian selepas laman web Ez Home Budget dibangunkan melalui borang soal selidik di *google form*.

Borang soal selidik melalui *google form* telah digunakan untuk mendapatkan maklumbalas terhadap 30 responden untuk mengetahui pendapat setiap pengguna mengenai laman web Ez Home Budget ini. Pengguna telah diminta untuk menjawab soal selidik dan menyatakan pendapat mengenai kepuasan penggunaan laman web Ez Home Budget. Hasil kajian menunjukkan bahawa 50 % responden sangat setuju dengan soalan satu iaitu adakah bar navigasi bagi isi kandungan laman web ezhome budget dapat membantu setiap pengguna? Selanjutnya 63.3% menjawab sangat setuju pada soalan dua iaitu adakah laman web Ez Home Budget mudah digunakan untuk penggunaan umum? Di samping itu, 70 % menjawab sangat setuju pada soalan tiga iaitu, adakah laman web Ez Home Budget membantu mencatat senarai barangan secara sistematik? Tambahan pula, 30% responden berpendapat bahawa keselamatan privasi dimasukkan pada laman web Ez Home Budget ini kurang berkesan. Seterusnya, 44% setuju bahawa laman Ez Home Budget telah tampilkan penyimpanan data resit pembelian barang. Oleh itu, seramai 56.7% sangat setuju dengan meletakkan kepelbagaian jenis kategori barang di dalam laman web Ez Home Budget. Akhir sekali, sebanyak 33.3 % responden mengatakan setuju untuk soalan terakhir iaitu senarai barang hanya dapat dilihat oleh pengguna dan ahli keluarga sahaja.

SWOT Analisis:

S- Kekuatan (*Strength*)

Dapat mempercepatkan kerja setiap pengguna dan isirumah dalam mencatat senarai barangan keperluan dan membuat bajet seharian. Malah dapat membantu mengakses dalam laman web Ez Home Budget agar wang yang dibelanjakan mengikut keperluan. Laman web ini dapat memberikan pengetahuan yang tinggi terhadap penggunaan teknologi kini.

W-Kelemahan (*Weakness*)

Laman web Ez Home Budget ini memiliki kelemahan dari segi ciri – ciri keselamatan kerana maklumat peribadi pengguna boleh dicuri oleh penggodam. Hal ini kerana laman web Ez Home Budget ini tiada kata laluan sebelum melayarinya. Tetapi ia mungkin boleh ditambah lagi ciri keselamatan ini pada masa akan datang. Tambahan pula, laman web Ez Home Budget memerlukan kemahiran yang tinggi dalam menggunakan teknologi maklumat. Seterusnya, dari segi capaian internet untuk melayari laman web ini mempunyai kelemahan. Ini kerana disebabkan itu setiap pengguna perlu mempunyai data internet terlebih dahulu untuk melayarinya.

O-Peluang (*Opportunities*)

Penggunaan laman web ini memberi kelebihan kepada setiap pengguna dan isirumah kerana laman web seperti ini belum ditemui lagi. Seterusnya, laman web ini mempunyai peluang terbuka kepada setiap pengguna dan isirumah untuk melayari dan memiliki laman web Ez Home Budget dengan sendiri. Ini kerana laman web Ez Home Budget merupakan salah satu teknologi hebat yang memudahkan urusan dalam membuat bajet seharian setiap pengguna. Oleh itu, pembangunan web

ini memberi kelebihan kepada isirumah dan pengguna lain sebelum melakukan aktiviti membeli barangan keperluan. Pada masa yang sama ramai pengguna kini mahir dalam menggunakan telefon pintar untuk melayari laman web ini secara atas talian.

T-Ancaman (*Threat*)

Pada zaman sekarang ini, ramai orang terutamanya penggodam berpeluang untuk membangunkan satu laman web dengan mudah. Hal ini menjadi kerisauan kerana berkemungkinan laman web Ez Home Budget yang mungkin dibangunkan olehnya akan mempunyai kelebihan yang lebih banyak berbanding dengan laman web yang dibangunkan kini. Seterusnya, ini akan menjadi ancaman terbesar kerana ciri – ciri yang lain boleh ditambahkan di dalam web itu.

4P' Analisis

Produk (<i>Product</i>)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Produk laman web Ez Home Budget yang telah dibangunkan ini adalah secara atas talian. ➤ Tujuan produk ini dibangunkan adalah kerana untuk membantu setiap pengguna dan isirumah dalam membuat bajet seharian secara sistematik dan berhemah. ➤ Di dalam produk ini terdapat fungsi yang menarik kerana setiap pengguna dan isirumah boleh mencatat barang keperluan secara terus di dalam web itu. Tambahan boleh melihat wang yang dibelanjakan seharian.
Harga (<i>Price</i>)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Setelah membuat beberapa tinjauan kedai diluar, harga untuk menubuhkan laman web ini dalam lingkungan sekitar RM 400 – RM 3000 dengan fungsi keselamatan yang lebih baik.
Tempat (<i>Place</i>)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Memandangkan produk yang dibangunkan ini berbentuk link laman web Ez Home Budget tersebut akan diletakkan di platform media sosial seperti Whatsapp dan Telegram keluarga.
Promosi (<i>Promotion</i>)	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Laman web Ez Home Budget dapat membantu setiap pengguna dan isirumah ketika membuat bajet harian. ➤ Laman web Ez Home Budget akan lebih dikenali ketika ramai pengguna yang menggunakannya dengan mudah dan pantas.

4.3 PERBINCANGAN (Kelebihan, Kekurangan Dan Masalah Yang Dihadapi Ketika Membangunkan Produk)

Di bawah topik perbincangan ini akan menerangkan lebih lanjut tentang kelebihan produk, keburukan produk dan masalah yang dihadapi ketika membangunkan laman web Ez Home Budget.

Kelebihan laman web Ez Home Budget:

a. Laman web Ez Home Budget ini dapat memudahkan setiap pengguna.

Laman web Ez Home Budget ini boleh dilayari di mana-mana sahaja pengguna itu berada. Seterusnya, dengan adanya rangkaian internet jadi setiap pengguna dan isirumah boleh mencatat senarai barangan keperluan hanya di atas talian melalui laman web berkenaan. Oleh itu, pengguna telah perlu bersusah payah untuk mencatat senarai barangan keperluan di atas kertas.

b. Laman web Ez Home Budget dapat membuat bajet seharian.

Dengan adanya laman web Ez Home Budget ini setiap isirumah boleh membuat bajet seharian dan dapat melihat wang yang telah dikeluarkan pada ketika itu. Selain itu, pengguna dan isirumah juga dapat membuat tabungan penyimpanan kewangan supaya wang yang telah dikeluarkan tidak melangkaui bajet yang dibina.

c. Laman web Ez Home Budget dapat melihat keseluruhan wang yang telah dibelanjakan.

Laman web ini juga boleh melihat keseluruhan wang yang telah dibelanjakan pada bulan tersebut. Ini kerana setiap pengguna dan isirumah kadangkala akan terlalai ketika membeli barangan keperluan. Malahan, wang lebihan yang dibelanjakan dapat disimpan.

✚ Kekurangan laman web Ez Home Budget:

- a. Laman web Ez Home Budget ini kadang kala mempunyai masalah teknikal seperti tergendala mungkin disebabkan masalah-masalah tertentu. Sebagai contoh, mungkin disebabkan liputan internet tidak dapat memasuki portal web tersebut. Seterusnya, di dalam telefon semua pengguna perlu adanya rangkaian internet yang stabil untuk memasuki portal laman web ini.
- b. Laman web Ez Home Budget ini mempunyai masalah data akan diceroboh oleh penggodam disebabkan tiada alat keselamatan di dalam laman web tersebut. Ini kerana pengkaji tidak membuat kata laluan pada laman web Ez Home Budget dan kekurangan web dari segi keselamatan data pengguna.

✚ Masalah yang dihadapi ketika membangunkan laman web Ez Home Budget:

- a. Masalah yang dihadapi ketika membangunkan laman web Ez Home Budget ini adalah kos untuk membangunkan produk ini agak mahal ketika pengkaji bertanyakan di kedai luar. Tambahan laman web yang dibina perlu mempunyai ciri yang baik disebabkan itu harga di luar agak mahal jika dibangunkan laman web.

- b. Masalah yang kedua apabila laman web Ez Home Budget ini tiada ciri keselamatan dan menjadi faktor kehilangan data maklumat yang dicatatkan. Keselamatan data pengguna adalah menjadi keutamaan pengkaji kerana bagi mengelakkan data diceroboh oleh pencuri.

4.4 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, bab ini membincangkan mengenai analisis projek perniagaan dan dapatan kajian dari penghasilan projek inovasi. Serta lebih mengfokuskan tentang dapatan kajian, kelebihan produk, kekurangan produk, masalah dalam penghasilan produk. Tambahan pengkaji telah menjalankan pengujian kepada laman web ini yang melibatkan analisis dapatan kajian peringkat pertama dan peringkat kedua. Seterusnya, dapat melihat secara terperinci mengenai SWOT analisis. Serta projek inovasi ini telah dihasilkan dengan menggunakan 4p' analisis ketika membangunkan produk agar setiap pengguna boleh melayari dengan mudah.

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN


5.1 PENDAHULUAN

Bab ini membincangkan kesimpulan dan cadangan hasil kajian reka bentuk laman web Ez Home Budget yang telah dijalankan. Bab ini merangkumi kesimpulan yang diambil oleh 4P analisis dan SWOT analisis iaitu kekuatan, kelemahan, ancaman dan peluang serta analisis keberkesanan untuk menghasilkan cadangan dan penambahbaikan dalam kajian ini. SWOT analisis dijalankan adalah bertujuan untuk mengenal pasti kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang ada pada kajian laman web yang dihasilkan manakala 4P'S analisis pula dijalankan bertujuan untuk pemasaran terhadap kajian laman web tersebut. Jadi, 4P analisis ini terdiri daripada produk, harga, tempat untuk dipasarkan dan promosi yang sesuai berkaitan dengan laman web Ez Home Budget. Ia juga merangkumi kesimpulan keseluruhan bagi penghasilan laman web Ez Home Budget ini.

5.2 KESIMPULAN KESELURUHAN PROJEK INOVASI

Kesimpulan projek inovasi ini memaparkan rumusan secara keseluruhannya, iaitu projek yang telah dilaksanakan, hasil dan pencapaian projek sama ada ianya mencapai objektif, perancangan dan harapan untuk projek yang akan datang. Kelemahan dan kelebihan dinyatakan secara ringkas dan tepat. Disini, kesimpulan daripada projek ini dilakukan berdasarkan analisis SWOT yang tersedia oleh pengkaji. Berikut merupakan jadual analisis SWOT yang menjelaskan kesimpulan keseluruhan projek.

Jadual 5.2. 1 Analisis SWOT



5.3 CADANGAN

Laman web Ez Home Budget ini mempunyai banyak kelebihan dan berkesan bagi membantu meningkatkan keberkesanan pengguna untuk mengurus bajet. Antara kelebihannya ialah dengan memudahkan para pengguna membuat senarai barang keperluan di mana sahaja individu itu berada kerana dengan adanya rangkaian internet yang baik pengguna dapat melayari dengan mudah kerana laman web Ez Home Budget ini dijalankan sepenuhnya secara atas talian dan disediakan tip untuk penggunaan di dalam laman web Ez Home Budget ini supaya para pengguna dapat merujuk cara penggunaan laman web jikalau mempunyai sebarang masalah mengenai laman web Ez Home Budget. Antara kekurangan yang terdapat di dalam laman web Ez Home Budget ini ialah dengan masalah teknikal dari segi liputan internet yang digunakan yang akan menyebabkan laman web menjadi tergendala dan gagal menyempurnakan muat turun tersebut. Seterusnya, kekurangan dari segi penyimpanan data kerana laman web Ez Home Budget ini hanya dapat menyimpan satu senarai barang keperluan bagi setiap pengguna sahaja. Masalah yang dihadapi ialah dari segi kos perbelanjaan yang agak tinggi yang perlu dikeluarkan bagi membeli beberapa software seperti *Microsoft Excel* dan *Spreadsheet Converter*. Selain itu, masalah untuk melakukan *maintenance* untuk laman web Ez Home Budget memerlukan kos yang agak banyak. Akhir sekali, diharapkan laman web Ez Home Budget ini agar dapat membantu semua pengguna dan boleh diguna pakai untuk meningkatkan keberkesanan dan kemudahan untuk menguruskan bajet dalam mencatat senarai barang keperluan.

5.4 LIMITASI PROJEK

1. **Jumlah Analisis Kajian** - Jumlah analisis kajian yang terhad kerana hanya dijalankan kepada pengguna kawasan sekitar sahaja bagi menjalankan analisis projek ini. Adalah lebih menarik menjalankan analisis ini kepada seluruh pengguna di Malaysia.
2. **Penggunaan laman web Ez Home Budget** - Laman web Ez Home Budget ini hanya digunakan bagi pengguna kawasan sekitar sahaja buat masa ini. Laman web Ez Home Budget ini secara tidak langsung ia akan diperkembangkan dan digunakan oleh para pengguna yang berada di seluruh Malaysia.
3. **Instrumen Kajian** - Kajian ini menggunakan satu kaedah bagi pengumpulan data iaitu dengan memberi borang soal selidik *Google Form* bagi mendapatkan maklumat para pengguna.

5.5 RUMUSAN

Secara dasarnya kajian ini membincangkan mengenai penghasilan projek iaitu laman web Ez Home Budget yang dibangunkan untuk kegunaan pengguna bagi mencatat senarai barang keperluan secara atas talian. Kajian ini dimulakan dengan mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh pengguna melalui soalan selidik *Google Form*. Kajian ini diteruskan setelah membuat analisis keperluan yang menunjukkan perlunya projek inovasi ini dilaksanakan. Kajian ini telah disokong dengan hasil

kajian-kajian lepas. Kajian rintis yang dilaksanakan menunjukkan laman web Ez Home Budget iaitu laman web mencatat senarai barang keperluan ini dibangunkan mengikut keperluan pengguna.

RUJUKAN

Pengkaji telah merujuk kepada beberapa rujukan dari buku, internet, artikel dan lain-lain sumber yang dinyatakan di bawah untuk menyiapkan atau menyelesaikan kajian projek iaitu:-

- Syed Yassin, S., & Alma'amun, S. (2018). *Pengurusan Kewangan Keluarga Dan Kursus Pra Perkahwinan Muslim Di Malaysia*. Putrajaya: 5th International Research Management & Innovation Conference (5th Irmic 2018).
- Abdul Rahman, N. M., & Abdullah, B. (2020). *Tahap Kesedaran Pekerja Terhadap Penguasaan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Urusan Pekerjaan Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Di Sibul, Sarawak*. Sibul: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan, Universiti Malaysia Sabah. Retrieved from <https://rb.gy/q3uzzb>
- Adibfar, A., Gulhare, S., & Costin, A. (2022). Analysis and modeling of changes in online shopping behavior due to Covid-19 pandemic: A Florida case study. *Transport Policy*, 162-176.
- Adriana Mroon Ambrose. (2022). *Utusan Borneo Online*. Retrieved from Beli-belah dalam talian meningkat ketika PKP2.0: <https://www.utusanborneo.com.my/2021/01/23/beli-belah-dalam-talian-meningkat-ketika-pkp20>
- Berita Harian*. (2019, Jun 3). Retrieved from Trend beli-belah menerusi telefon pintar lebih seronok, menarik: <https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2019/06/570866/trend-beli-belah-menerusi-telefon-pintar-lebih-seronok-menarik>
- Delachieve. (2019, June 7). *Bajet Perancangan Keluarga*. Retrieved from Delachieve.com: <https://ms.delachieve.com/bajet-perancangan-keluarga/>
- Dime Nickel. (2019). *7 Sebab Utama Bisnes Anda Perlu Ada Website*. Retrieved Disember 7, 2022, from <https://www.nickeldime.co/7-sebab-utama-bisnes-anda-perlu-ada-website/>
- ERA Consumer Malaysia's. (2011, 10 2). *Apa Itu Bajet?* Retrieved December 7, 2022, from Era Consumer: <https://rb.gy/uicw32>
- Geoffrey Miller. (2012, May 12). *The Smartphone Psychology Manifesto*. Retrieved from Sage Journals: <https://journals.sagepub.com/doi/abs/10.1177/1745691612441215>
- Husin, N., & Roslan, S. N. (2021). *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021*. Retrieved from Pembelian Dalam Talian Menjadi Norma Baharu:: <http://conference.kuis.edu.my/icommm/8th/images/021-101.pdf>
- Ismail, M. R. (2020, May 9). *Utama keperluan dari kehendak*. Retrieved Disember 7, 2022, from <https://www.hmetro.com.my/WM/2020/05/576266/utama-keperluan-dari-kehendak>

- Ismail, N. H., & Abdul Rani, S. Z. (2022). *Keberkesanan Penggunaan Laman Web Rasmi Konvokesyen Politeknik Seberang Perai Dalam Kalangan Graduan Dan Ahli Jawatankuasa Konvokesyen*. Permatang Pauh: Politeknik Seberang Perai.
- Lestari, P. (2010, 4 25). *Pengguna Yang Bijak*. Retrieved Desember 7, 2022, from <https://rb.gy/vgtsjs>
- Nickel, & Dime. (2019, January 4). *7 Sebab Utama Bisnes Anda Perlu Ada Website*. Retrieved Desember 7, 2022, from <https://www.nickeldime.co/7-sebab-utama-bisnes-anda-perlu-ada-website/>
- Prof. Dr. Kirti Pandye. (2016). *Financial Management*. Lulu Publication.
- Raaij, F. V., Groot, M. d., & Antonides, G. (2011). Mental budgeting and the management of household finance. *Journal of Economic Psychology*, 546-555.
- Sanjaya, S. (2019). *Bab 1 Latar Belakang Projek*. Retrieved from <https://docplayer.info/70151474-Bab-1-latar-belakang-projek.html>
- Shahrul Nizam. (2017). *Apakah yang dimaksudkan dengan Kajian Soal Selidik*. Retrieved Desember 7, 2022, from <https://rb.gy/ah8pmv>
- Sia Abdullah, N. A., Ab Wahid, N. W., & Idrus, Z. (2017). Budget Visual: Malaysia Budget Visualization. In *Communication in Computer and Information Science* (p. 778). CCIS.
- Thomas, A., & Garland, R. (2010). Grocery Shopping: list and non-list usage. *Marketing Intelligence & Planning*, 22(6), 623-635.
- Wikipedia, e. b. (2021, October 5). *Pengurusan projek*. Retrieved Desember 7, 2022, from https://ms.wikipedia.org/wiki/Pengurusan_projek
- Wikipedia, e. b. (2022). *Laman web*. Retrieved December 7, December, from <https://rb.gy/p1un6x>
- Yusoff, M. S., Othman, I. W., Mohd Shah, M. K., Esa, M. S., Zulhazm, N. A., Ibrahim, M. A., & Ationg, R. (2021). *Moratorium Dan Pengurusan Kewangan Norma Baharu Dalam Menginspirasi Dan Mendidik Kepimpinan Komuniti Pendidikan Tinggi*. Labuan: Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED).
- YYP. (2021, June 10). *Pengurusan Kewangan B40: 8 Tips Untuk Kewangan Keluarga Yang Terjamin*. Retrieved from yayasan dewan perniagaan melayu perlis: <https://yyp.com.my/pengurusan-kewangan-b40-8-tips-untuk-kewangan-keluarga-yang-terjamin/>